

31/12/1998

Usah desak Dr M segera lantik TPM

Ahmad Burak

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak seharusnya didesak supaya melantik segera timbalan perdana menteri, sebaliknya beliau perlu diberi kesempatan memikirkan langkah terbaik untuk dilakukannya.

Pemimpin veteran Umno, Tan Sri Aishah Ghani, berkata memang negara seharusnya mempunyai seorang timbalan perdana menteri bagi membantu Dr Mahathir mentadbir negara.

Bagaimanapun, katanya, tentu ada sesuatu yang menyukarkan Perdana Menteri untuk menamakan seorang yang sesuai menjadi timbalannya.

"Sebaik-baiknya ada timbalan perdana menteri, tapi tentu ada masalah menyebabkan Dr Mahathir belum membuat pelantikan itu.

"Memang berat mata memandang, tapi tentu berat lagi bahu Perdana Menteri memikulnya," katanya, hari ini.

Semalam, Dr Mahathir memberitahu beliau belum membuat sebarang keputusan mengenai pelantikan timbalannya.

Menurut beliau, tidak ada sebarang perkembangan terbaru mengenai perkara itu sehingga setakat ini.

Aishah yang juga Pengerusi Tetap Pergerakan Wanita Umno yakin Perdana Menteri mengambil masa untuk melantik timbalannya kerana mahu mencari tokoh paling layak dan sesuai menjadi orang nombor dua negara.

Sambil menasihatkan rakyat, terutama ahli parti supaya bersabar, Aishah berharap Perdana Menteri terus diberi kepercayaan untuk melaksanakan tanggungjawab mencari seorang yang layak menjadi timbalan perdana menteri.

"Kalau selama ini kita boleh bersabar, tidak ada sebab kepercayaan tidak boleh diberi kepada Dr Mahathir meneruskan `pencariannya'.

"Rakyat sebenarnya berhak meminta Perdana Menteri melantik timbalannya, tetapi jangan terlalu mendesak," katanya.

Mengenai keputusan Mahkamah Tinggi membebaskan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, Aishah yang juga bekas Menteri Kebajikan Masyarakat, berkata kedudukan Muhammad bergantung kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno.

"Saya berpendapat jika beliau diberi cuti daripada jawatan naib presiden oleh MT, MT juga yang akan menentukan kedudukan beliau dalam parti selepas ini.

"Jika MT memutuskan beliau berhak menyandang jawatannya semula, Muhammad boleh kembali menunaikan tanggungjawabnya sebagai Naib Presiden Umno," katanya.

Semalam, Mahkamah Tinggi membebaskan Muhammad selepas beliau didapati tidak bersalah atas tuduhan gagal mengisytiharkan harta miliknya dan keluarga beliau mengikut Akta Pencegah Rasuah 1961.

Hakim Datuk Abdul Wahab Patail membuat keputusan itu selepas mendengar keterangan sembilan saksi pendakwaan dan tujuh saksi pembelaan pada 11 hari perbicaraan kes berkenaan.

(END)